KALENDAR PERISTIWA
April – Jun 2016

16 April

Bank mengeluarkan duit syiling peringatan bersempena dengan Ulang Tahun Radio Televisyen Malaysia (RTM) ke-70. RTM ialah penyiar pertama di Malaysia dan siaran radio sulungnya dilancarkan pada 1 April 1946 dan siaran televisyen bermula pada 28 Disember 1963.

27 April

Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Perdana Menteri, melantik Datuk Muhammad Ibrahim sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia untuk tempoh lima tahun, bermula pada 1 Mei 2016. Dalam kenyataan beliau berhubung dengan pelantikan ini, Gabenor Muhammad berkata, “Bank pusat bertanggungjawab untuk mengekalkan kestabilan monetari dan kewangan, dan terus memberikan tumpuan pada agenda strategik dan berusaha menyumbang ke arah masa depan yang lebih cerah untuk semua rakyat Malaysia.”

9 Mei

Bank mengeluarkan duit syiling peringatan bersempena dengan Ulang Tahun Yayasan Sabah ke-50. Yayasan tersebut telah diasaskan oleh Allahyarham Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun pada 10 Mei 1966 dengan matlamat utama untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi semua rakyat Malaysia di Sabah, terutama penduduk di kawasan luar bandar melalui pelbagai program pendidikan dan pembangunan ekonomi.

11 Mei

Dalam ucaptama Gabenor Muhammad pada Forum Kewangan Islam Global 5.0 yang bertemakan “Masa Depan Kewangan Islam: Mengorak langkah hari ini untuk hari esok yang mampan” - Gabenor Muhammad menekankan bahawa kewangan Islam pada peringkat global sedang berkembang pada kadar yang pesat. Beliau memberikan penghormatan yang istimewa kepada Gabenor–gabenor Bank Negara Malaysia yang terdahulu kerana kepimpinan berwawasan mereka dalam menaikkan profil kewangan Islam pada peringkat global.

Dalam ucapan beliau, Gabenor Muhammad mengutarakan tiga isu utama iaitu kemunculan fintech dan kesannya terhadap kewangan Islam, peningkatan kewangan yang bertanggungjawab, terangkum dan mampan serta beberapa prasyarat yang diperlukan untuk mengekalkan sistem kewangan yang berasaskan nilai. Gabenor Muhammad merumuskan bahawa strategi untuk meningkatkan industri kewangan Islam perlu menggabungkan unsur-unsur yang memanfaatkan teknologi, mempercepat inovasi dan membangunkan tenaga mahir yang serba boleh bagi memenuhi keperluan masa depan kewangan Islam.

13 Mei

Bank Negara Malaysia mengumumkan ekonomi Malaysia berkembang 4.2% pada suku pertama 2016 (S4 2015: 4.5%). Pertumbuhan yang menurun sedikit ini sebahagian besarnya mencerminkan kejutan luaran terhadap ekonomi dan perbelanjaan berhati-hati oleh sektor swasta. Dari segi penawaran, pertumbuhan terus dipacu oleh sektor ekonomi utama. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 1.0% (S4 2015: 1.2%).

Pada hari yang sama, Bank mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Jawatankuasa). Matlamat penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk meluaskan interaksi dan hubungan industri dengan memberi tumpuan pada usaha mengkaji semula dan merumuskan strategi yang komprehensif untuk pasaran kewangan borong bagi memenuhi permintaan yang pelbagai dan kompleks daripada ekonomi yang lebih maju dan bersepadu pada peringkat antarabangsa.

Jawatankuasa ini terdiri daripada peserta/ wakil daripada Bank Negara Malaysia, institusi kewangan, syarikat, penyedia perkhidmatan kewangan dan institusi lain atau pihak berkepentingan yang mempunyai peranan utama atau penyertaan dalam pasaran kewangan.

19 Mei

Bank Negara Malaysia mengekalkan Kadar Dasar Semalaman pada 3.25% pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) pada bulan Mei. MPC berpendapat bahawa pada kadar OPR semasa ini, pendirian dasar monetari adalah akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi. MPC menyedari bahawa terdapat risiko dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global dan sedang memantau dengan rapi serta menilai implikasinya terhadap kestabilan harga dan pertumbuhan.

26 Mei

Dalam ucaptama Gabenor Muhammad pada Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia Ke-20 anjuran ASLI yang bertemakan Perbankan Masa Hadapan: Pencitraan Semula Bank – Memacu Transformasi dan Inovasi, beliau menekankan beberapa langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk menyokong pertumbuhan sektor perkhidmatan kewangan, menggalakkan inovasi dan mengukuhkan daya tahan. Langkah-langkah ini termasuk memajukan integrasi kewangan serantau, memudahkan perkembangan teknologi kewangan (fintech), mengukuhkan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan terhadap risiko sistemik, meningkatkan rangka kerja tadbir urus korporat dan meningkatkan peranan bank-bank dalam memastikan sistem kewangan yang terangkum. Semasa merumuskan ucapannya, Gabenor menyatakan bahawa perubahan akan berlaku dengan lebih pesat dan keupayaan bank-bank untuk menyesuaikan diri merupakan faktor yang kritikal bagi memastikan bank terus relevan.

28 Mei

Bank Negara Malaysia mengeluarkan duit syiling peringatan bersempena dengan Ulang Tahun Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM) ke-100. PPPM adalah komited untuk melahirkan golongan wanita yang berkaliber melalui penerapan ilmu, kemahiran dan nilai-nilai Pandu Puteri selari dengan visi PPPM untuk “menerajui perkembangan potensi gadis dan wanita untuk membawa perubahan.”

1 Jun

Bank Negara Malaysia bersama-sama Dewan Bahasa dan Pustaka menganjurkan Pertandingan Pidato Antara Institusi Kewangan Piala Gabenor Bank Negara Malaysia 2016. Pertandingan ini dianjurkan sejak lapan tahun yang lalu. Pada tahun 2016, sebanyak 12 peserta daripada hampir 80 orang yang mengambil bahagian layak ke pusingan akhir. Matlamat pertandingan ini adalah untuk memartabatkan dan memupuk rasa kecintaan terhadap bahasa Kebangsaan di samping menggalakkan penggunaannya dalam sektor kewangan.

2 Jun

Bank Negara Malaysia mengumumkan penubuhan Kumpulan Penggerak Teknologi Kewangan (Financial Technology Enabler Group, FTEG), yang bertanggungjawab terhadap perumusan dan penambahbaikan dasar pengawalseliaan untuk memudahkan penerapan inovasi teknologi dalam industri perkhidmatan kewangan Malaysia. FTEG merupakan sebahagian daripada komitmen Bank untuk menyokong inovasi yang akan meningkatkan kualiti, kecekapan serta ketercapaian (accessibility) perkhidmatan kewangan di Malaysia.

15 Jun

Bank Negara Malaysia bersama-sama Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (PPKM) mengumumkan perpindahan kepada Kadar Rujukan USD/ MYR Kuala Lumpur sebagai sebahagian daripada usaha untuk menerima pakai amalan terbaik global dalam pasaran kewangan domestik. Perpindahan yang berkuat kuasa pada 18 Julai 2016 merujuk terutamanya kepada (i) menerima pakai metodologi baharu dalam USD/ MYR Spot Fixing (PPKM-MYR) dengan berdasarkan data transaksi pasaran; (ii) melanjutkan waktu penutupan rasmi pasaran ringgit dalam negeri daripada pukul 5.00 petang kepada 6.00 petang.

Di bawah metodologi baharu ini, kadar rujukan akan dikenali sebagai Kadar Rujukan USD/ MYR Kuala Lumpur. Kadar ini akan disiarkan setiap hari pada pukul 3:30 petang dan dikira berdasarkan jumlah purata berwajaran kadar spot pertukaran asing (FX) USD/ MYR antara bank yang diurusniagakan oleh institusi kewangan domestik antara pukul 8:00 pagi hingga 3:00 petang. Data transaksi pasaran diambil daripada pelaporan institusi kewangan domestik secara dalam talian kepada Bank Negara Malaysia. Metodologi baharu ini adalah lebih telus dan lebih mencerminkan urus niaga asas pada hari tersebut.

Akronim dan Singkatan

ABIF	Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN
ADB	Bank Pembangunan Asia
AFC	Krisis Kewangan Asian
AFI	Persekutuan bagi Rangkuman Kewangan
AIF	Asian Institute of Finance
ALR	kadar pinjaman purata
APN	Rangkaian Pembayaran Asia
BI	Bank Indonesia
BIS	Bank for International Settlements
BLR	kadar pinjaman asas
BNM	Bank Negara Malaysia
BNMN	Nota Monetari Bank Negara
BoC	Bank of Canada
BoE	Bank of England
BoJ	Bank of Japan
BR	Kadar Asas
CASTD	nisbah tunai kepada hutang jangka pendek
CBC	Central Bank of the Republic of China
CET1	ekuiti biasa kumpulan 1
CMP	Program Komoditi Murabahah
CoFC	penggunaan modal tetap
DIA	pelaburan langsung luar negeri
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
DSR	nisbah khidmat bayaran hutang
E&E	elektronik dan elektrik
E&O	Kesilapan dan Ketinggalan
ECB	European Central Bank
EOR	perolehan minyak lebih tinggi
ETP	Program Transformasi Ekonomi
EU	Kesatuan Eropah
FBM KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia
FD	deposit tetap
FDI	pelaburan langsung asing
Fed	Federal Reserve
FFR	Kadar Dana Federal
FOMC	Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan
FSB	Lembaga Kestabilan Kewangan
FSTEP	Program Meningkatkan Tenaga Mahir Sektor Kewangan
FX	pertukaran asing
GFP	barangan untuk diproses

GIFF	Forum Kewangan Islam Global
GII	Terbitan Pelaburan Kerajaan
GST	Cukai Barangan dan Perkhidmatan
HoA	Heads of Agreement
HQLA	aset mudah tunai berkualiti tinggi
HSDPA	High-Speed Downlink Packet Access
ICR	nisbah perlindungan faedah
IDB	Bank Pembangunan Islam
IFSA	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam
IHP	Indeks Harga Pengguna
IHPR	Indeks Harga Pengeluar
IILM	Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa
IKBB	institusi kewangan bukan bank
IKP	institusi kewangan pembangunan
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
IRS	swap kadar faedah
IT	teknologi maklumat
JCC	Japanese Crude Coktail
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur
KLIBOR	Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan
LCR	Nisbah Perlindungan Mudah Tunai
LIA	pinjaman tertunggak
LNG	gas asli cecair
LTF	pinjaman berbanding pendanaan
MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
MHPI	Indeks Harga Rumah Malaysia
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIER	Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia
MoU	Memorandum Persefahaman
MPC	Jawatankuasa Dasar Monetari
MSIC	Klasifikasi Standard Perindustrian Malaysia
OPEC	Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum
OPR	Kadar Dasar Semalaman
PBOC	People's Bank of China
PDS	sekuriti hutang swasta
PE	nisbah harga kepada pendapatan
PKS	perusahaan kecil dan sederhana
PMI	Indeks Pembelian Pengurus
PMTK	pembentukan modal tetap kasar
PNK	Pendapatan Negara Kasar

PTP	Pelabuhan Tanjung Pelepas
QAB	Bank ASEAN yang Bertauliah
QE	pelonggaran kuantitatif
RBA	Reserve Bank of Australia
RBI	Reserve Bank of India
RM	Ringgit Malaysia
SDA	Akaun Deposit Khas
SNA	Sistem Akaun Negara
S$NEER	kadar pertukaran efektif nominal dolar Singapura
SNB	Swiss National Bank
SRR	Keperluan Rizab Berkanun
SST	Cukai Jualan dan Perkhidmatan